

KENYATAAN MEDIA

SWM KASIH SANTUN RAMADAN: SWM ENVIRONMENT KONGSI KEGEMBIRAAN BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DAN OKU

MELAKA, 15 MAC 2025 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) terus komited dalam usaha menyantuni golongan yang memerlukan dengan menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) SWM Kasih Santun Ramadan. Program ini bertujuan berkongsi kegembiraan dan keceriaan bersama golongan sasaran bagi membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Dalam majlis tersebut, Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin menyatakan bahawa program SWM Kasih Santun Ramadan pada tahun ini bertujuan untuk meraikan warga pekerja yang mempunyai anak yatim, anak OKU, dan mereka yang kurang berkemampuan, sebagai tanda penghargaan kepada keluarga yang menjadi tulang belakang kepada operasi syarikat di Melaka.

“Kami berbesar hati untuk menyantuni mereka dengan sumbangan persiapan Hari Raya agar mereka dapat menyambut Aidilfitri dengan lebih ceria. Inisiatif ini bukan sahaja membawa kegembiraan kepada mereka, tetapi juga sebagai tanda sokongan dan penghargaan kepada keluarga pekerja SWM Environment,” katanya.

Beliau turut berharap program ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban keluarga pekerja dalam membuat persiapan menjelang Aidilfitri. Program ini berlangsung di pusat membeli-belah AEON Melaka, Ayer Keroh, dengan kerjasama rakan strategik, AEON CO. (M) BHD

Selain membantu golongan yang memerlukan, SWM Environment turut menekankan kepentingan pengurusan sisa yang bertanggungjawab, terutama menjelang musim perayaan yang sering menyaksikan peningkatan jumlah sisa domestik.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya menguruskan sisa domestik dengan baik sebelum membuangnya ke dalam tong sampah beroda atau tong sampah berpusat yang berhampiran. Beliau juga mengingatkan agar orang ramai mengambil maklum tentang jadual kutipan sisa domestik dan sisa +1 (sisa pukal, sisa kebun dan sisa kitar semula) di kawasan masing-masing.

“Orang ramai juga digalakkan untuk mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula, seperti plastik, kertas, botol kaca, dan lain-lain. Selain itu, mereka juga boleh mendaftar sebagai ahli program KITAREcycle bagi mengumpul mata ganjaran dari aktiviti kitar semula yang boleh ditebus kepada wang tunai,” tambahnya.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swm-environment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa yang dijana oleh masyarakat dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) berimpak tinggi yang menjurus kepada kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar termasuk Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), pendigitalan program kitar semula berganjaran dan pengkomposan sisa makanan bagi meningkatkan kesedaran awam ke arah Ekonomi Kitaran (Circular Economy).

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran iaitu KITAREcycle di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. KITAREcycle bertujuan menggalakkan orang ramai untuk mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan tin aluminium dan memperoleh mata ganjaran (RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com